



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TAN SRI HAJI.OMAR BIN MOHD HASHIM  
MENGENAI PERANAN DAN SUMBANGAN BELIAU DALAM MENERAJUI DAN  
MEMARTABATKAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA SEBAGAI BADAN  
WARISAN YANG TERTUA DAN MASYHUR**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NOR AZIMAH BINTI ZULKIFLI**

**SITI HAJAR BINTI ISMAIL**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS**

**IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaan Nya dan rahmat Nya dapat kami menyiapkan penulisan skrip berkenaan dengan subjek IMR 604: Dokumentasi Sejarah Lisan pada masa yang ditetapkan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang membantu kami dalam menghasilkan kerja kursus kami iaitu Transkrip Temubual Bersama Tan Sri Haji.Omar Bin Mohd Hashim Mengenai Peranan Dan Sumbangan Beliau Dalam Menerajui Dan Memartabatkan Persatuan Sejarah Malaysia Sebagai Badan Warisan Yang Tertua Dan Masyhur.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tan Sri Haji Omar Bin. Mohd Hashim diatas kesudian beliau serta kerjasama yang diberikan dalam menjayakan rakaman wawancara ini. Beliau telah banyak mengorbankan waktu beliau untuk bersama kami dalam menjayakan wawancara ini. Kami amat berterima kasih dan terharu di atas kerjasama yang diberikan kepada kami dan komitmen yang ditunjukkan oleh beliau dan juga menerima kunjungan kami dengan tangan terbuka pada bila-bila masa.

Tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kami kepada Puan Azura Bt Abd Jamil @ Kamarudzzaman, merangkap pensyarah kami bagi subjek IMR 604 "Oral History" kerana keperihatinan dan bantuan beliau dalam memberi nasihat dan tunjuk ajar untuk menyiapkan tugas wawancara ini. Dengan tunjuk ajar dan panduan yang diberikan kepada kami dari mula tugas ini dijalankan sehingga ianya selesai dengan jayanya.

Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kerana sudi berkongsi idea dan pendapat, memberi teguran-teguran membina dalam memastikan mutu serta kejayaan tugas ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu menyiapkan tugas ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian.

Sekian, terima kasih.

## **ISI KANDUNGAN**

| <b><u>PERKARA</u></b>                                 | <b><u>MUKA SURAT</u></b> |
|-------------------------------------------------------|--------------------------|
| PENGHARGAAN.....                                      | i                        |
| ISI KANDUNGAN.....                                    | ii                       |
| ABSTRAK.....                                          | iii                      |
| 1.0 PENGENALAN                                        |                          |
| 1.1 Pengenalan Tan Sri Haji.Omar Bin Mohd Hashim..... | 1 - 3                    |
| 1.2 Pengenalan Persatuan Sejarah Malaysia.....        | 4 - 8                    |
| 2.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....                          | 9 - 45                   |
| 3.0 LOG WAWANCARA.....                                | 46 - 58                  |
| 4.0 BIODATA                                           |                          |
| 4.1 Biodata Tokoh.....                                | 59 - 62                  |
| 4.2 Biodata Penulis 1.....                            | 63                       |
| 4.3 Biodata Penulis 2.....                            | 64                       |
| 5.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....                     | 65 - 70                  |
| 6.0 RALAT.....                                        | 71                       |
| 7.0 SENARAI RUJUKAN.....                              | 72                       |
| LAMPIRAN                                              |                          |
| INDEKS                                                |                          |
| DIARI PENYELIDIKAN                                    |                          |

## **ABSTRAK**

### **TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TAN SRI HAJI OMAR BIN MOHD HASHIM MENGENAI PERANAN DAN SUMBANGAN TAN SRI HAJI OMAR BIN MOHD HASHIM DALAM MENERAJUI DAN MEMARTABATKAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA SEBAGAI BADAN WARISAN YANG TERTUA DAN MASYHUR DI MALAYSIA**

*Abstrat : Tan Sri Haji Omar Bin Mohd Hashim adalah seorang tokoh pendidik, penulis, dan juga ahli sejarah. Hampir 50 tahun terlibat dengan Persatuan Sejarah Malaysia. Minat yang mendalam terhadap bidang penulisan telah menjadikan Tan Sri Haji Omar Bin Mohd Hashim menghasilkan pelbagai jenis buku antaranya yang bertajuk Sejarah Dan Masyarakat, Pengisian Misi Pendidikan, Autobiografi Menongkah Gelombang Pendidikan. Tan Sri Haji Omar Bin Mohd Hashim telah menjadi presiden Persatuan Sejarah Malaysia sejak tahun 1989. Sepanjang hampir 23 tahun menerajui tapak kepimpinan, banyak pembaharuan yang telah dilakukan. Antara sumbangan yang terbesar yang telah dilakukan oleh Tan Sri Haji Omar Bin Mohd Hashim adalah dengan mendirikan wisma sejarah yang terletak di Jalan Tun Razak. Wisma sejarah tersebut menjadi bukti kukuh sumbangan yang telah diberikan oleh Tan Sri Haji Omar Bin Mohd Hashim. Wisma sejarah inilah merupakan pusat pentadbiran Persatuan Sejarah Malaysia (PSM).*

*Kata Kunci : Tan Sri Haji Omar Bin Mohd Hashim, Persatuan Sejarah Malaysia (PSM), wisma sejarah, penerbitan*

## **1.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN**

### **1.1 Tan Sri Haji Omar Bin. Mohd Hashim**

Tan Sri Haji Omar Bin. Mohd Hashim adalah tokoh perkhidmatan awam, penulis, ahli sejarah, lebih-lebih lagi tokoh pendidikan yang dikenali ramai. Beliau dilahirkan di Dindings iaitu masa itu sebuah jajahan Pulau Pinang daripada keluarga orang Pulau Pinang jati. Mendapat pendidikan Melayu (Sekolah Permatang Bertam), Arab (Daeratul Wataniah, Kepala Batas) dan Inggeris (Penang Free School), dan berakhir dengan lulusan Universiti Malaya (Singapura) pada 1960.

Bermula sebagai guru siswazah, kariernya menyinar dan meningkat pantas dari Pegawai Peperiksaan, Pengarah Pendidikan Sabah dan Johor, Pengarah Lembaga Peperiksaan (LP) dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD) sehingga ke peringkat tertinggi sebelum bersara iaitu Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (1985-1990).

Dalam bidang pendidikan beliau merupakan tokoh utama yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan proses pengambilalihan pengendalian peperiksaan SPM/MCE daripada Cambridge Examination Syndicate kepada Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 1978. Kejayaan ini merupakan satu mercu tanda terpenting dalam sejarah pendidikan tanah air selepas Perang Dunia Kedua, dan Tan Sri Haji Omar Bin. Mohd Hashim memainkan peranan besar sebagai perancang dan pelaksanaannya. Selain itu beliau berperanan penting dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan, khasnya usaha memperkembangkan dan mempermantapkan persekolahan Menengah Melayu dan Bahasa Melayu menerusi sistem peperiksaan umum.

Manakala, dalam bidang budaya pula, beliau berjuang mempopularkan kesedaran peri penting nya warisan dan sejarah kepada umum, khususnya kepada angkatan muda di sekolah melalui aktiviti-aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia yang diceburinya di peringkat Jawatankuasa Eksekutif sejak 1965.